



Mimbar Darul Tafsir

#95: *Anjuran Berminda Inkuisitif*

Penulis Artikel

USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)
Universiti Teknologi Nanyang Singapura

Anjuran Berminda Inkuisitif

يَزَّكِرِيَّا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلْمَمْ أَسْمُهُ يَحْبَيِ لَمْ نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلٍ سَمِيًّا

“Hai Zakariya, sesungguhnya Kami memberi kabar gembira kepadamu akan (beroleh) seorang anak yang namanya Yahya, yang sebelumnya Kami belum pernah menciptakan orang yang serupa dengan dia.” (Maryam:7)

قَالَ رَبِّيْ أَنِّي يَكُونُ لِي عُلَمٌ وَكَانَتِ اُمِّ رَأْتِي عَاقِرًا
وَقَدْ بَلَغْتُ مِنَ الْكِبِيرِ عِتِيًّا

“Zakariya berkata: Ya Tuhaniku, **bagaimana akan ada anak bagiku, padahal isteriku adalah seorang yang mandul dan aku (sendiri) sesungguhnya sudah mencapai umur yang sangat tua.**” (Maryam:8)



قالَ كَذِلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَىٰ هِينٍ وَقَدْ خَلَقْتَكَ مِنْ قَبْلٍ وَلَمْ تَكُ شَيْئًا

"Penyeru itu menjawab: Demikian keadaannya - janganlah dihairankan; Tuhanmu berfirman; "Hal itu mudah bagiKu kerana sesungguhnya Aku telah menciptakanmu dahulu, sedang engkau pada masa itu belum ada sebarang apapun." (Maryam:9)

قَالَ رَبِّي أَجْعَلْ لِيٌّ إِيمَانًا لَا تُكَلِّمُ النَّاسَ ثَلَثَ لَيَالٍ سَوِيًّا

"Zakariya berkata: **Ya Tuhanku, berilah aku suatu tanda.** Tuhan berfirman: Tanda bagimu ialah bahawa kamu tidak dapat bercakap-cakap dengan manusia selama tiga malam, padahal kamu sihat." (Maryam:10)



PELAJARAN

Ayat-ayat Al-Quran ini menceritakan tentang **pemberitaan Jibril kepada Nabi Zakariya a.s bahawa Allah taala telah menerima doanya untuk dikurniakan seorang anak bagi mewarisi tugasnya sebagai nabi.**

Al-Quran memberitahu bahawa Nabi Zakariya a.s tidak menerima berita tentang kurniaan anak dari Tuhan begitu sahaja. Dia bertanya, "Bagaimana mungkin?" kerana yang sedemikian itu mustahil berlaku menurut pertimbangan akal oleh kerana usia beliau yang sudah tua. Isteri beliau pula bukan hanya sudah tua (menopos) tapi juga mandul. (*Maryam:8*) Nabi Zakariya a.s juga meminta petanda atau bukti kejadian yang luar kebiasaan itu akan berlaku. (*Maryam:10*)



03

Allah taala pula tidak marah apabila ditanya. Dia hanya menjelaskan sahaja apa yang ditanya dan diminta.

Al-Quran menganjurkan Muslim untuk berminda inkuisitif (tidak hanya menerima tanpa banyak soal), **walaupun dalam urusan agama dan akidah**, sebagaimana yang dicontohkan oleh Nabi Zakariya a.s.

Terdapat banyak ayat Al-Quran yang lain yang menyokong hal ini;

a) **Nabi Ibrahim a.s bertanya kepada Allah taala tentang bagaimana Dia boleh membangkitkan manusia yang telah mati?**
Allah taala tidak memarahi Nabi Ibrahim a.s, malah Dia hanya menyuruh beliau melakukan sesuatu yang boleh memberi petunjuk kepada perkara itu. (Al-Baqarah:260)



- b) **Nabi Ibrahim a.s meneliti bintang, bulan dan matahari untuk mencari Tuhan, lalu menyimpulkan bahawa kesemua itu tidak sesuai dijadikan Tuhan.** (Al-An'am:75-80)
- c) **Nabi Musa a.s meminta Allah taala untuk memperlihatkan diriNya.** Allah taala tidak melarang permintaan itu, tapi Nabi Musa a.s tidak dapat melihatNya juga kerana alam ini tidak mampu menanggung kekuatan Zat Allah taala sehingga gunung yang kukuh pun musnah keranaNya. (Al-A'raf:143)
- d) **Nabi Isa a.s meminta Allah taala untuk mengurniakan pengikut-pengikutnya makanan dari syurga.** Allah taala tidak menghalang permintaan itu. Dia hanya memberi amaran akan ‘harga’ baginya, iaitu siapa yang tetap tidak mahu beriman akan dikenakan siksaan yang pedih. (Al-Maidah: 114-115)



e) terdapat banyak ayat Al-Quran yang berbunyi, “Yas’alunaka (Mereka bertanya kepada kamu [Muhammad])” (Al-Baqarah:215, 217, 219, 220, 222, Al-Maidah:4 dan Al-Anfal:1) yang melaporkan tentang pertanyaan-pertanyaan orang ramai kepada Nabi s.a.w bagi meminta penjelasan mengenai pelbagai perkara.

Ayat-ayat ini dianggap oleh para ulama sebagai **pujian dan anjuran untuk bersikap suka bertanya apabila tidak tahu dan meminta penerangan jika tidak jelas**.



Ayat-ayat yang mencela sikap sebahagian daripada kaum Yahudi yang banyak bertanya apabila diperintahkan untuk mengorbankan seekor lembu, bukanlah celaan terhadap sikap suka dan banyak bertanya.

Sikap mereka **dicela kerana pertanyaan-pertanyaan itu dilakukan atas tujuan yang salah**. Mereka sengaja melengah-lengahkan pelaksanaan perintah Tuhan dan menunjukkan sikap biadap (contempt) terhadap Nabi Musa a.s. (*Al-Baqarah: 67-74*)



Ayat "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menanyakan (kepada Nabimu) hal-hal yang jika diterangkan kepadamu (justeru) menyusahkan kamu. Jika kamu menanyakannya ketika Al-Qur'an sedang diturunkan, (nescaya) akan diterangkan kepadamu. Allah telah memaafkan (kamu) tentang hal itu. Dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyantun." (*Al-Maidah:101*) pula **merujuk kepada bertanya dalam konteks apabila jawapan yang akan diberi boleh dijangka akan menimbulkan banyak kesulitan daripada kebaikan.**

Jika bersikap inkuisitif apabila berhadapan dengan perintah Tuhan digalakkan dalam Al-Quran, pastilah sikap sedemikian lebih digalakkan dalam urusan keduniaan.



Pelajaran ini amat relevan bagi ibu bapa dalam mendidik anak-anak di rumah, guru-guru apabila mengajar agama di sekolah-sekolah dan ketua-ketua dalam berurusan dengan pekerja-pekerja di pejabat; Hendaklah mewujudkan sekitaran yang menggalakkan minda yang inkuisitif, bukan mematikannya.



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalaq budi anda dengan kebaikan setimpal!